



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**LAWATAN KERJA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE NEGERI
PAHANG, 18 JULAI, 2020**

18 Julai 2020, Kuantan – YB Menteri Perpaduan Negara, **Datuk Halimah Mohamed Sadique** telah mengadakan kunjungan hormat kepada **YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail** di Wisma Pahang, Kuantan pada hari ini. Kunjungan hormat turut disertai oleh YB Timbalan Menteri Perpaduan Negara, **Dato' Sri Ti Lian Ker**, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, **Dato' Sri Hajjah Shahaniza** serta pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara.

2. Semasa sesi perjumpaan tersebut, YB Menteri Perpaduan turut menyerahkan **dua “mock cheque” jentera Perpaduan** kepada **YAB Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail** seperti berikut:

i. **Geran Kawasan Rukun Negara (KRT) Fasa 2 untuk negeri Pahang berjumlah RM1,835,400.00**. Ini menjadikan **jumlah keseluruhan geran KRT bagi tahun 2020 kepada negeri Pahang berjumlah RM2, 686,000.00 berbanding RM 2,073,000 yang diterima pada tahun 2019**.

ii. **Peruntukan operasi pasca COVID-19 sebanyak RM326,398.00 kepada Skim Rondaan Sukarela (SRS), Taska Genius Perpaduan (TGP) dan Tabika Perpaduan (TP) Negeri Pahang** untuk penyediaan operasi fungsi masing-masing mengikut SOP yang diluluskan oleh MKN & KKM.

3. Pada malam sebelumnya, YAB Menteri Besar Pahang turut mengadakan majlis makan malam bagi meraikan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri berkaitan Perpaduan dari seluruh negara yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perpaduan Negara (JPPN) Bil 2/2020 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan yang julung kali diadakan di Kuantan, Pahang. Ini merupakan Mesyuarat JPPN yang kedua selepas mesyuarat pertama diadakan secara maya pada 14 Mei 2020.

4. Mesyuarat JPPN kali ini antara lain telah membincangkan :

- i. Perancangan Kementerian bersama semua Kerajaan Negeri untuk mengadakan sesi konsultasi bersama NGO, sektor swasta serta pemegang taruh Kementerian seperti KRT mengenai kandungan Pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 mulai 1 hingga 31 Ogos 2020.
- ii. Pemurnian Data Rumah Ibadat dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri.
- iii. Cadangan Kehadiran Pengarah Perpaduan Negeri dan Pegawai Perpaduan Daerah menjadi Ahli turut hadir dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Daerah.

5. Sesi lawatan kerja Kementerian Perpaduan ke Pahang pada kali ini diakhiri dengan lawatan YB Menteri Perpaduan Negara bersama Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri berkaitan Perpaduan dari seluruh negara ke Pusat Aktiviti Perpaduan Daerah Kuantan bagi melawat Pejabat Perpaduan Negeri Kuantan, Tabika Perpaduan Permatang Badak, Daerah Kuantan dan Taska Genius Perpaduan Daerah Kuantan. YB Menteri Perpaduan Negara telah menyerahkan kit operasi SRS kepada 11 Daerah di Pahang semasa lawatan hari ini.

6. Program kali ini adalah merupakan sesi lawatan pertama YB Menteri Perpaduan Negara ke Pahang sejak penubuhan Kementerian pada 10 Mac 2020.

Kementerian Perpaduan Negara

18 Julai 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041 Fax +603 8888 8568 / 569

Fax +603 8888 8568 / 569 E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (16)